SOALAN NO: 411

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaikkan had gaji minimum memandangkan kos sara hidup telah meningkat.

PR-1331-T68665

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, proses Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Berdasarkan Akta ini, kajian semula Perintah Gaji Minimum boleh dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2

tahun. Kajian yang dilaksanakan oleh pihak JTPGN telah mengambilkira peningkatan kos sara hidup rakyat.

2. Susulan daripada itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pihak MPGN melalui Kementerian Sumber Manusia sedang membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada Kerajaan untuk dimuktamadkan.

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA

PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

PERTANYAAN	:	**BERTULIS**
DARIPADA	:	**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]**
SOALAN	:	**412**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan senarai lengkap inovasi yang berjaya dikomersilkan sepanjang 2010-2014 sama ada oleh pihak Swasta atau dibeli oleh Kerajaan menggunakan Tabung RM50 Juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2013 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertanggungjawab untuk membantu para penyelidik, saintis dan usahawan hanya ke peringkat pra-pengkomersilan sahaja. Mulai tahun 2014, skop pengurusan R&D&C di bawah Kementerian ini telah diperluaskan meliputi peringkat pengkomersilan.

Kementerian telah menerbitkan Direktori Produk dan Perkhidmatan bersempena Tahun Pengkomersilan MOSTI (MCY) pada tahun 2014.

Direktori ini mengandungi 300 lebih produk dan perkhidmatan yang berjaya dihasilkan oleh penyelidik tempatan yang merupakan penerima dana R&D&C yang diperuntukan kepada Kementerian untuk tempoh RMKe-9 hingga tahun 2013. Direktori ini juga telah dimuatnaik ke laman web mcy.mosti.gov.my dan boleh diakses oleh orang awam. Mana-mana pihak yang berminat untuk mengkomersilkan produk dan perkhidmatan tersebut boleh merujuk kepada direktori ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai pembelian oleh Kerajaan, Kementerian mengguna pakai dasar perolehan Kerajaan sedia ada iaitu:

i. **Dasar Penggunaan Bahan/Barangan dan Perkhidmatan Tempatan** yang menetapkan supaya bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya oleh Kementerian/ Jabatan dalam perolehan masing-masing; dan

ii. **Polisi Laluan Hijau Untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana** yang bertujuan untuk mempermudah segala urusan yang berkaitan melalui insentif-insentif yang disediakan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berinovatif meliputi empat (4) aspek utama iaitu pembiayaan, galakan cukai, perolehan Kerajaan dan keutamaan di dalam urusan perolehan syarikat milik Menteri Kewangan diperbadankan.

Sekian, terima kasih.

27